UCAPAN

BAJET

TAHUN 2015

UCAPAN BAJET 2015

1. PENDAHULUAN

Saya mulakan ucapan Bajet Tahun 2015 pada pagi ini dengan menyebut kalimah mulia Bismillahirrahmanirrahim.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

1.1 Alhamdulillah saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana telah mengizinkan saya membentangkan Bajet Majlis Bandaraya Petaling Jaya bagi tahun 2015 pada hari ini.

1.2 Bajet 2015 telah dibincangkan secara terperinci di peringkat jabatan bersama Ahli-Ahli Majlis pada awal bulan September 2014. Satu bengkel juga telah diadakan bersama Persatuan Penduduk, Persatuan Rukun Tetangga, NGO, Persatuan Peniaga-Peniaga, penyedia servis serta pihak swasta pada 23 September 2014 selaras dengan program Local Agenda 21 Petaling Jaya. Bajet 2015 juga telah dibincangkan secara terperinci di dalam Mesyuarat Khas Kewangan Bajet yang telah diadakan pada 29 September 2014. Bajet 2015 telah disediakan berpaksikan perkhidmatan asas perbandaran ke arah mewujudkan bandaraya lestari yang merangkumi pemantapan kemudahan infrastruktur dan prasarana dari segi pelupusan sisa pepejal yang

efisyen, sistem pengurusan trafik yang canggih, rekabentuk bangunan dan prasarana mesra alam.

1.3 Kajian kaedah nilai cukai iaitu nilai cukai taksiran yang dikutip oleh Majlis mengikut unit pegangan hartanah berbanding dengan perbelanjaan Majlis ke atas kemudahan asas seperti penyelenggaraan longkang, pengutipan sampah dan pembersihan kawasan, penyelenggaraan kawasan lapang, penghijauan dan penebangan pokok serta kos penyelenggaraan kemudahan dewan memberi gambaran bahawa kawasan usang seperti Seksyen 13, 51 dan 51A akan menyumbang nilai cukai yang lebih tinggi dalam tempoh 5 tahun akan datang. Senario ini juga menggambarkan nilai cukai yang tinggi bagi Majlis akan berpunca daripada sektor komersial. Manakala dari segi perbelanjaan pula, kawasan Seksyen memerlukan perbelanjaan yang tinggi kerana tahap infrastruktur yang usang memerlukan kerja-kerja menaiktaraf infra secara lebih intensif.

1.4 Manakala kawasan seperti kawasan PJS pula merupakan kawasan pentadbiran yang masih lagi perlu disediakan perkhidmatan dan kemudahan lebih baik dan memerlukan perbelanjaan lebih tinggi berbanding dengan cukai yang dibayar demi prinsip kesaksamaan. Selaras dengan itu, peningkatan ekologi, budaya, politik, institusi, sosial

dan ekonomi tanpa membebankan generasi akan datang akan diambilkira dan dilaksanakan melalui Bajet 2015.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

2. TEMA BAJET 2015

2.1 Bajet tahun 2015 yang dibentangkan adalah disediakan berkesinambungan daripada matlamat Bajet 2014 untuk menjadikan kawasan tadbiran Majlis sebagai sebuah bandaraya peneraju, dinamik dan lestari. Majlis akan terus meningkatkan pembangunan prasarana seperti jalan, perparitan dan saliran serta perkhidmatan perbandaran seperti perkhidmatan kebersihan di seluruh kawasan Petaling Jaya kerana ia adalah tunjang utama perkhidmatan Majlis.

2.2 Pada tahun 2015, Majlis akan menyediakan Bajet 'defisit' bagi mempastikan bahawa wang lebihan Majlis dipulangkan semula kepada penduduk kerana wang lebihan tersebut akan digunakan untuk manfaat semua penduduk dari segala aspek kemudahan infrastruktur, kehijauan dan persekitaran, kecekapan trafik, pembangunan sosial dan gaya hidup serta keselamatan penduduk Petaling Jaya.

2.3 Untuk itu, bajet Majlis pada tahun 2015 adalah bertemakan **'AMALAN BUDAYA MENYELENGGARA'**. Tema bajet ini adalah selaras dengan komitmen Majlis untuk meningkatkan lagi kerja-kerja menyelenggara melalui program-program menurap semula jalan, membaiki dan menaiktaraf sistem saliran di kawasan-kawasan usang, melaksanakan program menaiktaraf saliran utama bagi mengatasi masalah banjir kilat dan meningkatkan program penghijauan bandar. Selain itu Majlis juga akan memberi perhatian serius terhadap meningkatkan lagi kualiti kerja-kerja pembersihan dan kutipan sisa pepejal, isu-isu keselamatan, masalah kemiskinan bandar dan kemudahan untuk orang kurang upaya.

2.4 Pada tahun 2015 juga, Majlis akan melantik konsultan pengurusan untuk memantau dan menambahbaik proses pengurusan perolehan Majlis. Perlantikan konsultan ini perlu bagi mempastikan proses pemilihan kontraktor dan perlaksanaan projek di Majlis adalah teratur mengikut spesifikasi dan dilaksanakan mengikut jadual. Di samping itu, sistem audit dalaman Majlis juga akan diperkukuhkan dengan melantik kakitangan teknikal di Bahagian Audit Dalam Dan Integriti untuk menyemak spesifikasi dokumen tender dan sebutharga dan memantau perlaksanaan projek di tapak. Dengan ini, matlamat Majlis untuk mengoptimakan perbelanjaan pembangunan dapat dicapai.

2.5 Selaras dengan pendekatan Local Agenda 21 yang berteraskan pembangunan mampan, Majlis akan memberi fokus kepada 3 aspek pembangunan utama dengan melibatkan 3 penggerak utama iaitu pihak kerajaan, sektor swasta dan orang awam seperti berikut:-

2.5.1 **Menjana Pembangunan Ekonomi Bandar**

Pelaburan merupakan asas ekonomi utama Petaling Jaya. Usaha meningkatkan pelaburan di kawasan Majlis juga adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor menjadikan pelaburan dalam negeri meliputi lebih 20% daripada hasil pelaburan keseluruhan Negara. Seiring itu, Majlis akan mengkaji semula peraturan, undang-undang kecil dan dasar bagi memudahcarakan pelaksanaan pelaburan tersebut. Sebagai contohnya, Majlis akan memastikan bahawa pembangunan bercampur, *compact*, ataupun perkhidmatan institusi pendidikan tinggi berada di kawasan yang tidak menimbulkan masalah kesesakan lalulintas tetapi lebih banyak penjanaan perjalanan berjalan kaki atau pengangkutan awam.

Selain itu, pembangunan sistem infrastruktur hijau dan menyediakan sistem jalanraya dan perparitan yang selamat dengan pelbagai kemudahan pergerakan demi keselesaan penduduk di kawasan Petaling Jaya adalah diutamakan.

2.5.2 Mengutamakan Aktiviti-Aktiviti Pembangunan Sosial Dan Keselamatan Penduduk Terjamin

Bagi mempastikan kesaksamaan sosial di Petaling Jaya terlaksana, Majlis akan terus membantu golongan miskin bandar melalui pemberian pekerjaan kepada ibu-ibu tunggal, memberi bantuan kepada OKU dan mereka yang kurang bernasib baik. Selain itu, Majlis akan terus menyokong dan membantu program-program dan aktiviti-aktiviti yang diadakan untuk ibu-ibu tunggal, OKU dan mereka yang kurang bernasib baik ke arah memupuk semangat perpaduan, pemuafakatan dan semangat kerjasama supaya nilai-nilai positif sosial dapat melahirkan sebuah persekitaran yang sejahtera, harmoni dan saling menghormati melalui jalinan usahasama, perundingan dan penyertaan masyarakat dalam setiap proses perancangan dan pembangunan bandaraya Petaling Jaya.

Majlis akan menggalakkan gaya hidup yang sihat atau *healthy lifestyles* serta *self-community empowerment to increase responsibility to health* seperti mengadakan aktiviti berbasikal dan senamrobik, menyediakan kemudahan berlipurdiri yang mempromosikan latihan jasmani di luar bangunan, menganjurkan program-program kemasyarakatan dan pemakanan yang sihat dan sejahtera di samping mengurangkan

insiden yang akan meningkatkan ketegangan dan kebimbangan masyarakat seperti kesesakan lalulintas, konflik antara jiran dan keberkesanan sistem penyampaian bandar.

Aspek keselamatan penduduk juga akan terus diperkukuhkan oleh Majlis. Selain daripada perlantikan kakitangan penguatkuasa kontrak sebagai polis rondaan, Majlis akan memasang kamera litar tertutup (CCTV) serta bekerjasama dengan Persatuan Penduduk (RA) dan Rukun Tetangga (RT) yang boleh membantu bagi mempastikan pemantauan keselamatan dilaksanakan secara berterusan.

2.5.3 **Memberi Fokus Kepada Alam Sekitar Dengan Mewujudkan Bandar Hijau**

Amalan baik yang ditunjukkan oleh bandar-bandar seperti Copenhagen dan Singapura di dalam mewujudkan sebuah bandar hijau telah dijadikan iltizam kepada Majlis untuk memajukan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar hijau berkarbon rendah menjelang tahun 2020. Pada tahun 2015, Majlis akan terus memberi fokus kepada alam sekitar untuk mewujudkan Bandar Hijau melalui pembangunan sistem infrastruktur hijau, pelaksanaan pelan pembangunan kawasan hijau dan pengurusan kawasan lapang.

Di bawah pelan induk landskap pula, program Landskap Dan Pengindahan dan Program Pembangunan Koridor Hijau akan dirancang dengan terperinci supaya tindakan dapat diambil dengan teratur supaya hasilnya dapat dinikmati sepenuhnya oleh penduduk Petaling Jaya.

3. HALA TUJU BAJET 2015

Hala tuju Bajet 2015 disediakan mengikut keperluan dan kehendak penduduk yang disuarakan melalui Persatuan Penduduk, Persatuan Rukun Tetangga, NGO, Persatuan Peniaga-Peniaga, penyedia servis serta pihak swasta. 5 haia tuju bagi membentuk program dan aktiviti-aktiviti akan dilaksanakan pada tahun 2015 adalah seperti berikut:-

3.1 Meningkatkan Kemudahan Infrastruktur *(Sustainable Infrastructure)*

Sebagai tindakan penyelesaian ke atas masalah sistem perparitan dan saliran di Petaling Jaya, pada tahun 2015, Majlis akan meneruskan langkah-langkah yang telah dikenalpasti iaitu:-

i. Program pembangunan yang melibatkan pembinaan longkang-longkang besar dan kolam tadahan. Sebanyak RM11.08 juta telah disediakan pada tahun 2015 di bawah peruntukan Menaiktaraf Longkang dan Kerja-Kerja Berkaitan Bagi Mengatasi Masalah Banjir Di Sekitar Kawasan Petaling Jaya dan sebanyak RM1.29 juta disediakan bagi Cadangan Melantik Perunding Bagi Menyediakan Plan Induk Sistem Saliran Kawasan Petaling Jaya.

ii. Penyelenggaraan melibatkan pembaikan longkang-longkang kecil, menaiktaraf sistem perparitan dan pembersihan longkang-longkang tersumbat. Bagi memastikan kerja-kerja pembaikan longkang dan menaiktaraf sistem perparitan di Petaling Jaya dijalankan secara efisyen, Majlis akan menubuhkan pasukan *'Drainage Gang'* dan Unit Penguatkuasaan. Bagi menyokong pengurusan longkang, saliran dan perparitan yang mampan di Petaling Jaya, potensi pembangunan berasaskan koridor biru (sungai, tasik dan kolam tadahan) akan ditingkatkan melalui program pengindahan atau dibangunkan dengan aktiviti rekreasi dan komersial.

iii. Membina infrastruktur hijau dan kemudahan awam berdasarkan kepada rekabentuk sejagat yang mempunyai ciri hijau, moden dan mesra alam.

iv. Membina kemudahan pejalan kaki, siar kaki, laluan OKU, perabot jalan dan laluan sikal yang mesra alam

v. Menyelenggara dan menaiktaraf kemudahan awam lain seperti perhentian bas, lampu-lampu jalan, lorong belakang, bebendul dan lain-lain kemudahan.

Sehubungan dengan itu, sebanyak RM20.48 juta secara keseluruhan telah diperuntukkan bagi mempastikan kerja-kerja pembangunan dan penyelenggaraan longkang dan saliran, penyelenggaraan bangunan/kemudahan awam dan kerja-kerja kecemasan di Petaling Jaya dapat memberi impak kepada penduduk Petaling Jaya.

3.2 Meningkatkan Persekitaran Mesra Alam *(Sustainable Environment)*

Konsep Bandar Dalam Taman merupakan salah satu kaedah yang akan dilaksanakan oleh Majlis bagi memastikan penduduk mendapat kehidupan selamat, selesa dan sihat. Konsep ini juga memainkan

peranan yang penting ke arah pembangunan yang mampan. Penyediaan Pelan Koridor Hijau adalah satu langkah ke arah menjadikan Bandaraya Petaling Jaya sebagai bandaraya dalam taman. Oleh itu fungsi kawasan hijau sebagai pembekal biodiversity, kitaran oksigen, habitat dan keselesaan manusia akan dipelihara oleh Majlis.

Untuk itu, Majlis akan memperuntukkan perbelanjaan berjumlah RM15.53 juta pada tahun 2015 bagi kerja-kerja penyelenggaraan landskap, menaiktaraf landskap, program pembangunan koridor hijau, pembangunan Taman Tasik Komuniti Kelana Jaya, membaikpulih dan menaiktaraf Taman Rimba Riang dan seumpamanya.

3.3 Meningkatkan Kecekapan Pengurusan Trafik *(Sustainable Traffic Management)*

Bagi mengurangkan kesesakan lalulintas yang semakin meningkat setiap hari, perancangan bersepadu antara gunatanah dan pengangkutan perlu dikaji secara mendalam. Penyediaan jalanraya tanpa mengambilkira mod pengangkutan awam akan menggalakkan penggunaan kenderaan persendirian secara drastik seterusnya menyumbang kepada kesesakan lalulintas.

Strategi pembangunan bersepadu akan menerapkan konsep pembangunan berasaskan transit (TOD) dan pembangunan bercampur yang meningkatkan mobiliti melalui penyediaan *'feeder bus'*, penyediaan kemudahan pejalan kaki dan laluan berbasikal serta pembangunan berdasarkan kaedah *'green building'*. Selain itu, Majlis turut menyediakan perkhidmatan seperti berikut:-

i. Perkhidmatan bas komuniti
ii. Perkhidmatan van transit OKU
iii. Penyediaan perkhidmatan bas percuma
iv. Pembinaan *Park 'N' Ride*
v. Pelaksanaan sistem jalan sehala di Jalan Utara, Jalan Timur, Jalan Barat dan Jalan Sultan, Seksyen 52 Petaling Jaya
vi. Tempat caj kereta elektrik percuma

Kajian Pelan Induk Pengangkutan Majlis akan melihat keseluruhan sistem, hierarki dan kesesuaian jalan-jalan sediada mengikut fungsi asal perancangan. Nisbah mod (modal split) pengangkutan persendirian kepada pengangkutan awam akan dikurangkan daripada 80 : 20 kepada 50 : 50 menjelang 2030. Majlis akan menyediakan pengangkutan awam yang efisyen di samping mempromosikan penggunaan basikal dan laluan pejalan kaki sebagai pilihan mod perjalanan.

Sehubungan dengan itu, sebanyak RM8.9 juta akan diperuntukkan secara berperingkat bagi perkhidmatan bas perantara *(feeder bus)*, menyelenggara lampu jalan, menaiktaraf pejalan kaki dan bebendul jalan pada tahun 2015.

3.4 Pembangunan Sosial Dan Gaya Hidup Sihat *(Sustainable Lifestyle)*

Selaras dengan pendekatan Local Agenda 21 yang berteraskan pembangunan lestari, nilai-nilai gaya hidup positif perlu diterapkan kepada penduduk supaya dapat melahirkan sebuah persekitaran yang lebih sejahtera, harmoni dan saling menghormati melalui jalinan usahasama, perundingan dan penyertaan masyarakat dalam setiap proses perancangan dan pembangunan bandaraya Petaling Jaya.

Program gaya hidup sihat juga direalisasikan oleh Majlis melalui pembinaan projek laluan berbasikal kepada warga Petaling Jaya. Projek *PJ City Cycleways Network* adalah inisiatif ke arah Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya hijau berkarbon rendah. Selain itu program premis bersih, zon bersih, meningkatkan kesedaran kitar

semula dan penjagaan alam sekitar bebas dari pencemaran akan terus diperluaskan pada tahun 2015.

Selain daripada Majlis yang menjadi tunggak utama untuk mewujudkan pembangunan sosial dan gaya hidup sihat, Majlis amat memerlukan kerjasama daripada penduduk, pihak swasta dan NGO. Untuk itu, pada tahun 2015, program '*mobile office*' iaitu program turun padang dan bermesyuarat bersama Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga (RA/RT) bagi membincangkan masalah-masalah pembersihan dan kutipan sisa pepejal, masalah penyelenggaraan longkang, masalah kesesakan lalulintas dan sebagainya akan terus dijalankan sekurang-kurangnya sekali setiap minggu. Mereka digalakkan memberi pandangan bertujuan untuk menambahbaik prestasi perkhidmatan Majlis di samping sebagai pemakluman mengenai dasar-dasar baru Majlis termasuk projek-projek yang akan dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, Majlis memperuntukkan sebanyak RM3,036,000 melalui peruntukan Program Regenerasi Bandar, Kempen Program-Program Majlis, Program Penghijauan dan *PJ International Fair* bagi menggerakkan aktiviti ke arah pembangunan ini.

Program PJ Safe dengan garapan 4 elemen utama iaitu *Neighbourhood, Eyes and Ears, Interaction* dan *Action* sebagai

pendekatan ke arah membudayakan *"PJ Livable and Lovable City"* akan diteruskan pada tahun 2015. Peruntukan bantuan/ inisiatif kewangan RM5,000 kepada pihak Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga bermula tahun 2011 diteruskan sehingga kini. Manakala bagi tahun 2014, pihak Majlis telah memperluaskan bantuan/ inisiatif kewangan kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) bagi Pangsapuri kos rendah sahaja untuk melaksanakan program-program keselamatan berdasarkan kepada syarat dan terma.

Pada tahun 2013 sebanyak 85 permohonan telah diterima dan diluluskan manakala sehingga bulan September 2014 sebanyak 58 permohonan diterima dan diproses untuk bayaran termasuk 6 permohonan daripada pihak JMB. Kesinambungan daripada itu, pada tahun 2015, pihak Majlis akan meneruskan agenda keselamatan penduduk dengan meluluskan peruntukan kewangan sebanyak RM500,000 bagi tujuan yang sama.

3.5 Memperkasakan Organisasi *(Good Governance)*

Pada tahun 2015, Majlis akan memberikan perhatian khusus kepada memperkasakan sistem tadbir urus dan integriti perkhidmatan perbandaran. Bertepatan dengan itu, tahap kualiti kerja mestilah

diutamakan dalam membentuk pembangunan sumber manusia atau modal insan supaya menjadi lebih teratur dan memberi kesan. Perhatian yang lebih berat harus diberikan bagi melengkapkan setiap warga kerja Majlis dengan pelbagai kemahiran *(multi tasking)*.

Pada tahun 2015, pelan perjawatan yang terancang melalui pembentukan struktur perjawatan baru mengikut fungsi akan dilaksanakan. Majlis akan menyusun semula struktur organisasi secara pentadbiran dengan membentuk 5 jabatan sahaja mengikut aktiviti utama *(core business)* seperti berikut:-

1. Perkhidmatan Korporat
2. Perancangan Bandar
3. Pembangunan Bandar
4. Perkhidmatan Urusniaga Bandar
5. Perkhidmatan Bandar

Di harap dengan pelaksanaan struktur organisasi baru akan meningkatkan kecekapan sistem penyampaian, mengurangkan aduan rakyat dan Majlis dapat melaksanakan projek dengan lebih efisyen dan efektif.

Penekanan kepada latihan dan pembangunan sumber manusia melalui kerjasama dengan jabatan-jabatan luar untuk menambah pengetahuan dan mewujudkan pelan pengisian jawatan penting yang diperlukan selaras dengan keperluan semasa akan dilaksanakan. Majlis akan melantik lebih ramai kakitangan teknikal pada tahun 2015 bagi mengatasi masalah ketidakcukupan tenaga kerja dan mempastikan perlaksanaan projek dapat dilaksanakan dengan lancar. SOP setiap pegawai pula akan disediakan bagi tujuan menjamin prestasi kerja di tahap yang terbaik.

Program-program ke arah meningkatkan kualiti pengurusan seperti menambahbaik pengikitirafan ISO 9001, mengurus dan memantau penandaarasan perkhidmatan dan meningkatkan imej Majlis ke peringkat antarabangsa akan terus diperluaskan.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

4. STRATEGI BAJET 2015

Bajet Majlis tahun 2015 dirangka berlandaskan kepada strategi berikut :-

4.1 Hasil Cukai Taksiran adalah berdasarkan kepada jumlah pegangan harta yang aktif bagi tahun 2014 berserta tambahan pegangan harta baru pada tahun 2015. **Nilaian tahunan dan kadar cukai tidak berubah.**

4.2 Hasil Bukan Cukai adalah berdasarkan kepada punca hasil sedia ada yang telah dikutip pada tahun 2014. Peningkatan hasil bukan cukai adalah daripada aktiviti sedia ada. Manakala **fee dan caj yang dikenakan adalah sama seperti tahun 2014.**

4.3 Perbelanjaan Mengurus tidak melebihi daripada jumlah hasil yang dijangka akan dikutip bagi tahun 2015. Berdasarkan penyediaan bajet '*Modified Budgeting System*' (MBS), Dasar Sedia Ada tidak melebihi batas perbelanjaan yang ditetapkan. Kelulusan Dasar Baru dan One-Off adalah bergantung kepada keperluan setiap aktiviti yang akan dibelanjakan.

4.4 Majlis juga akan melaksanakan perbelanjaan pembangunan menggunakan peruntukan daripada Akaun/Tabung Amanah yang telah dinyatakan secara khusus di dalam '*Trust Deed*' sewaktu penubuhannya.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

5. CADANGAN BAJET 2015

5.1 Pada tahun 2015 Majlis mencadangkan bajet defisit di mana anggaran hasil dan perbelanjaan keseluruhan Majlis adalah seperti berikut:

	2014 RM	**2015 RM**	**Tambahan/ (Kurangan)**	
			RM	**%**
Hasil	304,978,280	325,859,200	20,880,920	6.85
Belanja Mengurus	277,769,830	315,105,430	37,335,600	13.44
Belanja Pembangunan	46,550,060	56,616,030	10,065,970	21.62
Jumlah Perbelanjaan	**324,319,890**	**371,721,460**	47,401,570	14.62
Defisit	(19,341,610)	(45,862,260)		
Peratusan	-6.34%	-14.07%		

5.2 Jumlah anggaran hasil Majlis untuk tahun 2015 adalah bertambah sebanyak RM20,880,920 atau 6.85% berbanding hasil tahun 2014, iaitu peningkatan daripada RM304,978,280 kepada RM325,859,200.

5.3 Berkenaan perbelanjaan pula, jumlah anggaran perbelanjaan Majlis bagi tahun 2015 ialah sebanyak RM371,721,460 berbanding dengan anggaran tahun 2014 yang berjumlah RM324,319,890. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM47,401,570 atau 14.62%.

5.4 Daripada jumlah ini, sebanyak RM315,105,430 atau 84.77% merupakan belanja mengurus manakala sebanyak RM56,616,030 atau 15.23% adalah belanja pembangunan.

6. HASIL

6.1 Punca-punca utama hasil Majlis adalah seperti berikut:

Butiran	**2014**	**2015**	**Tambahan**	
	RM	**RM**	**RM**	**%**
Hasil Cukai	204,000,000	220,000,000	16,000,000	7.84
Hasil Bukan Cukai	92,476,100	97,503,900	5,027,800	5.44
Terimaan Bukan Hasil	8,502,180	8,355,300	(146,880)	(1.73)
Jumlah	**304,978,280**	**325,859,200**	**20,880,920**	**6.85**

6.2 Hasil Cukai

6.2.1 Majlis menganggarkan kutipan Hasil Cukai Taksiran akan meningkat sebanyak RM16 juta pada tahun 2015 berdasarkan kepada pertambahan bilangan pegangan harta baru di kawasan

Petaling Jaya. Oleh itu, hasil cukai yang dianggarkan pada tahun 2015 adalah RM220,000,000 berbanding RM204,000,000 pada tahun 2014. Peningkatan hasil Cukai Taksiran adalah sebanyak 7.84% pada tahun 2015. Majlis masih mengekalkan kadar cukai taksiran dan nilai tahunan sama seperti tahun 2014.

6.2.2 Kadar-kadar cukai taksiran pada tahun 2015 adalah seperti di Lampiran A.

6.3 Hasil Bukan Cukai

6.3.1 Hasil Bukan Cukai yang dijangka dapat dikutip pada tahun 2015 adalah sebanyak RM97,503,900 meningkat sebanyak RM5,027,800 atau 5.44% berbanding tahun 2014 sebanyak RM92,476,100.

6.3.2 Butir-butir hasil yang dimasukkan di dalam kepala Hasil Bukan Cukai adalah seperti berikut:-

Butiran	2014 RM	2015 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Lesen & Permit	21,696,310	22,803,190	1,106,880	5.10
Perkhidmatan & Bayaran Perkhidmatan	26,863,080	28,046,680	1,183,600	4.41
Jualan Barang-Barang	1,084,110	1,495,500	411,390	37.95
Sewaan	16,278,480	16,030,810	(247,670)	(1.52)
Keuntungan & Perolehan Dari Pelaburan	12,785,120	15,327,120	2,542,000	19.88
Denda & Kompaun	13,469,000	13,500,600	31,600	0.23
Sumbangan Negeri & Tempatan	300,000	300,000	0	-
Jumlah	**92,476,100**	**97,503,900**	**5,027,800**	**5.44**

6.3.3 Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

i. Di dalam punca hasil bukan cukai, punca hasil daripada perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan merupakan penyumbang hasil paling banyak iaitu sebanyak RM28,046,680 pada tahun 2015 berbanding RM26,863,080 pada tahun 2014.

ii. Berikut adalah punca-punca hasil daripada Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan :-

Butiran	2014 RM	2015 RM	Tambahan	
			RM	%
Bayaran Proses Pelan	4,117,000	6,538,000	2,421,000	58.80
Bayaran Perkhidmatan	25,000	25,000	-	-
Perkhidmatan Kubur	200,000	200,000	-	-
Kolam Renang	430,000	430,000	-	-
Perkhidmatan Letak Kereta	15,202,900	15,291,900	89,000	0.59
Yuran	1,959,200	1,911,200	(48,000)	(2.45)
Perkhidmatan Proses Pelan Lesen / Permit	26,000	26,000	-	-
Lain-lain Bayaran dan Perkhidmatan	4,902,980	3,624,580	(1,278,400)	(26.07)
Jumlah	**26,863,080**	**28,046,680**	**1,183,600**	**4.41**

iii. Peningkatan paling besar di dalam punca hasil perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan adalah daripada bayaran proses pelan yang dijangka akan meningkat sebanyak RM2,421,000 pada tahun 2015. Peningkatan ini dijangka berpunca daripada peningkatan aktiviti kebenaran merancang dan aktiviti pembangunan di sekitar Petaling Jaya pada tahun 2015.

6.3.4 Lesen dan Permit

i. Lesen dan permit adalah penyumbang kedua terbanyak di dalam punca hasil bukan cukai. Pada tahun 2015, Majlis menjangka akan mengutip sebanyak RM22,803,190 hasil lesen dengan kenaikan sebanyak RM1,106,880 berbanding tahun 2014.

ii. Di antara jenis-jenis lesen yang menjadi punca kepada peningkatan hasil lesen pada tahun 2015 adalah seperti berikut:-

Butiran	2014 RM	2015 RM	Tambahan	
			RM	%
Lesen Iklan	8,195,120	9,444,040	1,248,920	15.24
Lesen Iklan Sementara	746,800	668,910	(77,890)	(10.43)
Lesen Perubahan Status Bangunan	240,000	240,000	-	-
Lesen Perniagaan Perusahaan	5,541,070	5,399,140	(141,930)	(2.56)
Lesen-Lesen Perniagaan Industri	200,370	327,850	127,480	63.62
Lesen Penjaja, Gerai & Pasar	2,565,480	2,524,740	(40,740)	(1.59)

Butiran	2014 RM	2015 RM	Tambahan	
			RM	%
Lesen Hiburan	1,663,610	1,670,890	7,280	0.44
Lesen Pusat Perkhidmatan	391,720	265,200	(126,520)	(32.30)
Lain-Lain Lesen/Pendaftaran dan Permit	2,152,140	2,262,420	110,280	5.12
Jumlah	**21,696,310**	**22,803,190**	**1,106,880**	**5.10**

6.3.5 Sewaan

i. Pada tahun 2015 sebanyak RM16,030,810 dijangka akan dikutip melalui punca hasil sewaan. Penurunan sebanyak RM247,670 daripada tahun 2014 adalah kerana Majlis tidak akan mengutip sewaan daripada PPRT Kota Damansara kerana pengurusannya telah diserahkan kepada Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor.

ii. Berikut adalah punca-punca hasil daripada sewaan :-

Butiran	2014 RM	2015 RM	Tambahan	
			RM	%
Sewa Pasar	2,464,680	2,351,480	(113,200)	(4.59)
Sewa Pejabat dan Kilang	1,320,180	1,705,910	385,730	29.22

Butiran	2014 RM	2015 RM	Tambahan	
			RM	%
Sewa Kompleks Penjaja/Gerai	1,394,300	1,327,100	(67,200)	(4.82)
Sewa Balairaya dan Dewan Komuniti	1,677,200	1,677,200	-	-
Sewa Kompleks Sukan	610,500	510,500	(100,000)	(16.38)
Lain-Lain Sewaan	8,811,620	8,458,620	(353,000)	(4.01)
Jumlah	**16,278,480**	**16,030,810**	**(247,670)**	**(1.52)**

6.3.6 Keuntungan dan Perolehan daripada Pelaburan

Majlis menganggarkan peningkatan di dalam punca hasil keuntungan dan perolehan daripada pelaburan sebanyak RM2,542,000 iaitu 19.88%. Dianggarkan kadar pulangan keuntungan yang diterima oleh Majlis adalah lebih tinggi pada tahun 2015 berbanding tahun 2014.

6.4 Terimaan Bukan Hasil

6.4.1 Terimaan Bukan Hasil berjumlah sebanyak RM8,355,300 telah disasarkan dapat dikutip pada tahun 2015 seperti berikut:-

Butiran	2014 RM	2015 RM	Tambahan	
			RM	%
Geran Keseimbangan	5,000,000	5,000,000	0	-
Sumbangan Bantu Kadar	1,750,180	1,583,300	(166,880)	(9.54)
Pulangan Balik Perbelanjaan	1,752,000	1,772,000	20,000	1.14
Jumlah	**8,502,180**	**8,355,300**	**(146,880)**	**(1.73)**

7. PERBELANJAAN

Jumlah Perbelanjaan Majlis pada tahun 2015 adalah dipecahkan seperti berikut:-

Butiran	2014 RM	2015 RM	% Agihan	Tambahan/ (kurangan)	
				RM	%
Mengurus	277,769,830	315,105,430	84.77	37,335,600	13.44
Pembangunan	46,550,060	56,616,030	15.23	10,065,970	21.62
Jumlah	**324,319,890**	**371,721,460**	**100.00**	**47,401,570**	**14.62**

7.1 Perbelanjaan Mengurus

7.1.1 Di dalam penyediaan bajet mengikut kaedah MBS (*Modified Budgeting System*), Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada tiga elemen utama seperti berikut:-

Butiran	2014 RM	2015 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Dasar Sediada	250,646,280	264,460,940	13,814,660	5.51
Dasar Baru	19,056,350	24,766,490	5,710,140	29.96
'One Off'	8,067,200	25,878,000	17,810,800	100.00
Jumlah	**277,769,830**	**315,105,430**	**37,335,600**	**13.44**

7.1.2 Berdasarkan kepada peruntukan bajet perbelanjaan mengurus yang dicadangkan, terdapat 5 Objek Sebagai yang utama di dalam perbelanjaan mengurus seperti berikut:-

Objek Sebagai	2014 RM	2015 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Emolumen	84,231,160	91,425,060	7,193,900	8.54
Perkhidmatan & Bekalan	179,195,210	190,123,910	10,928,700	6.10
Aset	7,749,900	25,168,000	17,418,100	100.00

Objek Sebagai	2014 RM	2015 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	1,551,120	1,729,530	178,410	11.50
Perbelanjaan Lain	5,042,440	6,658,930	1,616,490	32.06
Jumlah	**277,769,830**	**315,105,430**	**37,335,600**	**13.44**

7.1.3 Dasar Sediada

Dasar Sedia ada yang dicadangkan dipecahkan kepada perbelanjaan seperti berikut:-

Objek Sebagai	2014 RM	2015 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Emolumen	77,191,280	88,886,130	11,694,850	15.15
Perkhidmatan & Bekalan	168,984,460	167,719,730	(1,264,730)	(0.75)
Aset	-	-	-	-
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	1,299,940	1,486,150	186,210	14.32
Perbelanjaan Lain	3,170,600	6,368,930	3,198,330	100.87
Jumlah	**250,646,280**	**264,460,940**	**13,814,660**	**5.51**

7.1.4 Dasar Baru

Jumlah Dasar Baru sebanyak RM24,766,490 pada tahun 2015 adalah untuk membiayai perbelanjaan perluasan atau pertambahan kepada dasar sediada seperti berikut:-

Objek Sebagai	2014 RM	2015 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Emolumen	6,466,230	2,538,930	(3,927,300)	(60.74)
Perkhidmatan & Bekalan	10,444,100	21,694,180	11,250,080	100.00
